

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Skim PCA rekod satu kes positif Covid-19

KOTA TINGGI

- Satu kes positif koronavirus (Covid-19) direkodkan di bawah skim Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA) perjalanan rentas sempadan Malaysia dan Singapura yang dilaksanakan sejak 17 Ogos lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, bagi skim Laluan Hijau Timbal Balik (RGL), tiada kes dilaporkan berlaku setakat ini.

“Imported case (kes import). Ada satu positif di bawah PCA dan sudah dirawat.”

“Apabila dikenal pasti positif, apa yang kita buat adalah mengendalikannya dengan cepat iaitu siasat perjalanan mereka dan kontak rapat.”

“Jika didapati kontak ada di Malaysia, mereka akan diisolasi, malah pihak Singapura juga akan dimaklumkan bahawa mereka perlu cari kontak rapat yang lain,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Klinik



DR ADHAM

Kesihatan Sungai Rengit di sini semalam.

Menurutnya, individu yang disahkan positif Covid-19 itu merupakan seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 35 tahun dan bekerja di Singa-

pura yang pulang ke Malaysia di bawah skim PCA pada 29 Ogos lalu.

“Lelaki berkenaan yang tidak bergejala didapati positif pada 2 September.

“Dia telah dimasukkan ke sebuah hospital di negeri ini dan kini berada dalam keadaan stabil,” kata beliau.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, sejak 17 Ogos sehingga semalam, seramai 2,647 individu di bawah PCA dan 815 bagi RGL direkodkan memasuki Malaysia dari Singapura.

Pelaksanaan Skim RGL dan PCA bertujuan menangani keperluan kumpulan berbeza yang melakukan perjalanan rentas sempadan di antara Malaysia dan Singapura. - *Bernama*